

Masjid pengukuh pertalian silaturahmi

TEMPAT beribadah yang selesa seperti masjid merupakan satu keperluan kepada penganut beragama Islam untuk menunaikan suruhan Allah.

Dalam pengertian Islam, masjid bukan sahaja sebagai tempat beribadah bahkan tempat pertemuan umat-umat Islam dalam mengerjakan ibadah khusus mahu pun umum seperti perbincangan.

"Aktiviti-aktiviti pendidikan seperti mengaji al-Quran dan perbincangan mengenai kebajikan masyarakat merupakan fungsi utama sesebuah masjid," kata Prof. Dr. Siti Rugayah Tibek kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Siti Rugayah yang juga pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan berkata, masjid adalah pengukuh

pertalian silaturahmi antara jemaah di samping menjadi tempat persinggahan para bermusafir.

Setiap kawasan wajib mempunyai sebuah masjid yang strategik selain dapat menampung sekurang-kurangnya 40 orang jemaah bagi memudahkan jemaah lelaki menunaikan solat Jumaat. Selain itu, masjid juga perlu ada mimbar untuk membaca khutbah.

Pada bulan Mac lalu, Malaysia buat pertama kalinya mempunyai masjid menggunakan teknologi hijau dikenali sebagai Masjid Raja Haji Fi Sabilillah yang terletak di Cyberjaya.

"Masjid hijau seperti itu wajar dibangunkan kerana ia mesra pengguna apatah lagi memudahkan penduduk-penduduk yang menetap

di Cyberjaya dan mereka yang bermusafir.

"Suatu ketika dahulu, masjid-masjid di Arab Saudi seperti Masjid Nabawi juga dibina daripada pokok-pokok yang menggunakan konsep hijau," jelasnya.

Bagaimanapun katanya, teknologi hijau pada hari ini semakin canggih maka kemusnahan alam persekitaran seperti menebang pokok dapat dielakkan.

Siti Rugayah memberitahu, walaupun inovasi teknologi hijau adalah sesuatu yang baharu namun ia memberikan impak yang positif seperti menggunakan panel solar untuk menyimpan tenaga dan kaca pantulan cahaya matahari.

Tambahnya lagi, fungsi masjid bukan sahaja untuk beribadah



SITI RUGAYAH

bahkan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Selain menjadi pusat ilmu, masjid juga perlu mempunyai dewan yang khusus untuk tujuan kaunseling bagi golongan yang memerlukan bimbingan dan kelas-kelas mengaji.

"Kita perlu mengambil contoh dari masjid-masjid yang terdahulu seperti Masjid Quba di Madinah, Arab Saudi yang mempunyai seni bina berbentuk segi empat.

"Dalam dewan masjid tersebut pula mempunyai kemudahan seperti kawasan kediaman bagi petugas masjid, pejabat, bilik wuduk, kedai dan perpustakaan," katanya.

Tambahnya lagi, kewujudan perpustakaan seharusnya menjadi contoh selari dengan konsep masjid sebagai pusat ilmu dalam pembangunan masjid-masjid di Malaysia.